

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah daripada jumlah Pakej Rangsangan Kerajaan yang diumumkan diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar. Minta perincian jenis projek-projek yang dilakukan, khususnya untuk negeri Perlis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM225 juta telah diperuntukkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada Kementerian ini melibatkan lima (5) projek iaitu Jalan Perhubungan Desa (JPD), Bekalan Elektik Luar Bandar (BELB), Projek Ameniti Sosial (PAMS), Baik Pulih Premis-premis Kemas dan Baik Pulih Premis-premis Perniagaan MARA.

Bagi negeri Perlis, sejumlah RM5.69 juta telah diperuntukkan dan kesemua projek-projek berkenaan telah berjaya disiapkan. Projek-projek di negeri Perlis yang telah disiapkan ini merangkumi 24 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), 19 projek di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS), 70 projek di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), 21 projek baik pulih premis-premis KEMAS dan 39 projek baik pulih premis-premis perniagaan MARA bagi manfaat masyarakat luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan tindakan bagi mengatasi kebimbangan penularan virus COVID-19 kepada kanak-kanak susulan kelonggaran sekatan secara berperingkat oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau secara rapi pelaporan dan peningkatan kes-kes COVID-19 di seluruh Malaysia. Bagi memastikan keseimbangan antara nyawa dan mata pencarian, antara kesihatan awam dan pemulihan ekonomi, Malaysia kini telah beralih ke pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa bagi mengekang penularan COVID-19 dengan lebih teratur dan selamat.
2. Melalui pelaksanaan PPN, setiap lapisan masyarakat diambil kira dalam aktiviti-aktiviti membendung penularan jangkitan COVID-19 termasuk dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan kumpulan berisiko tinggi dan sekiranya dikesan positif COVID-19, kumpulan ini akan dimasukkan ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) untuk pemantauan serta rawatan selanjutnya. Tambahan pula, aktiviti surveilan dari semasa ke semasa akan dijalankan di institusi jagaan kanak-kanak.
3. Seterusnya dalam hal ini juga, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja. Program tersebut telah dimulakan di Sarawak pada 8 September dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 11 September memandangkan kedua-dua negeri telah mencapai 80% liputan imunisasi COVID-19 dalam kalangan populasi dewasanya. Bagi tujuan ini, arahan pelaksanaannya telah digariskan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 13/2021 mengenai Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Di Kalangan Remaja Tertentu Berumur 12 Hingga 17 Tahun bertarikh 12 Ogos 2021 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 15/2021 mengenai Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja Berumur 12 Hingga 17 Tahun bertarikh 20 September 2021.
4. Pada 20 September 2021, Kick-Off Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan remaja (PICK Remaja) telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (1).

## SOALAN NO : 33

5. Pelaksanaan PICK Remaja adalah menggunakan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer BioNTech. Sebanyak dua dos (30 microgram setiap dos) perlu diberikan kepada seorang remaja 12 hingga 17 tahun dengan sela masa sekurang-kurangnya 21 hari antara kedua dos tersebut.

6. Kumpulan sasaran PICK Remaja adalah golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun yang bermastautin di Malaysia tanpa mengira status kewarganegaraan. Remaja berumur 12 tahun bermaksud remaja yang mencapai umur 12 tahun mengikut tarikh lahir. Matlamat PICK Remaja adalah seperti berikut:

- (i) Melindungi remaja dari penyakit teruk dan kematian akibat jangkitan COVID-19;
- (ii) Membolehkan sekolah dibuka dan beroperasi dengan selamat;
- (iii) Mengurangkan risiko penularan jangkitan kepada remaja di sekolah yang tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan;
- (iv) Meningkatkan liputan vaksinasi COVID-19 dalam populasi Malaysia bagi meningkatkan imuniti kelompok.

Sekian, terima kasih.